

PEMILIHAN SEMULA PASUKAN

15.10.1987
Babitkan pesilat wanita

20 OCT 1987

B. Hanan (M)

HANYA pesilat wanita akan terabit dengan pemilihan semula menyediakan dua pasukan dalam Kejuaraan Silat Sedunia di Kuala Lumpur pada 2-9 Disember ini.

Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) sudah menentapkan keputusan mengadakan pemilihan pesilat wanita pada 7-11 November ini.

Pesaka dalam mesyuaratnya baru-baru ini, memutuskan akan memanggil juara satu dan dua bahagian lelaki mengikuti latihan pusat 10 November ini bagi menyediakan dua pasukan.

Setiausahanya, A Rahman Hassan, berkata Pesaka tidak dapat mengadakan pemilihan semula untuk bahagian lelaki kerana kesuntukan masa.

Katanya, pesilat yang memenangi pingat emas dan perak — juara satu dan dua — dalam Kejohanan Kebangsaan di Kuala Terengganu secara automatik mewakili negara.

Beliau memberitahu, pemilihan pesilat wanita terpaksa dilakukan kerana mereka tidak terabit dalam kejohanan kebangsaan sebelum ini.

A Rahman berharap persatuan-persatuan silat negeri membuat persiapan awal menghantar barisan pesilat wanita dalam pemilihan nanti.

Dalam pemilihan pesilat wanita ke Sukan SEA lalu, Pesaka lewat memberitahu persatuan-persatuan silat negeri supaya menghantar wakil mereka.

Katanya, Pesaka menolak usul mengenai pemilihan semula pesilat lelaki berdasarkan kesuntukan masa.

"Kami tahu kalau pemilihan itu dilakukan ia mengambil masa dan seolah-olah satu kejohanan kebangsaan pula," tambahnya.

Beliau mengakui tentunya setiap negeri akan menghantar lebih ramai pesilat lelaki kalau pemilihan dijalankan.

A Rahman berkata, negara memang ketandusan pesilat wanita yang benar-benar manlap dan berharap dengan pemilihan ini lebih ramai yang bersedia.

Pesilat-pesilat kebangsaan akan menjalani latihan pusat bawah bimbingan Mohd Sani Murni, dibantu oleh Mohamad Yusof dan Johari Ibrahim.